

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ RAI PEKERJA CEMERLANG DAN BAKAL PESARA

Seramai 117 orang pegawai dan kakitangan MBPJ terdiri daripada 102 orang pekerja tetap dan 15 orang pekerja kontrak dari pelbagai peringkat jawatan dan jabatan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2011.

Majlis anugerah ini diadakan bersempena dengan sambutan Bandaraya Petaling Jaya kali ke-6 dan selain daripada itu, ia juga merupakan salah satu daripada kriteria *star rating* Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam masa yang sama, Majlis ini juga diadakan bertujuan untuk meraikan seramai 19 orang pesara iaitu 16 orang pasara wajib dan 3 orang bersara pilihan.

Penerima anugerah perkhidmatan cemerlang pada tahun ini akan menerima sijil perkhidmatan cemerlang, hadiah prestasi sebanyak RM1, 000 peluang dan keutamaan untuk memajukan kerja seperti menghadiri kursus dan sebagainya. Disamping itu, mereka ini akan diberikan peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat dan darjah kebesaran persekutuan dan negeri serta nama dan gamabr penerima akan dipaparkan di info tv dan laman web MBPJ.

Justeru itu, Majlis merakamkan setinggi syabas dan tahniah kepada penerima anugerah perkhidmatan cemerlang tahun 2011 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja ke tahap pencapaian yang dihasratkan. Di harapkan semua penerima anugerah ini akan terus komited dalam meningkatkan prestasi kerja demi menaikkan imej dan kredibiliti MBPJ serta meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik mengikut dasar kualiti MBPJ.

Kecemerlangan sebuah organisasi tidak bergantung kepada satu pihak semata-mata sebaliknya melibatkan semua peringkat dari pihak pengurusan tertinggi hingga peringkat bawahan. Oleh itu, MBPJ sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi di kalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan MBPJ dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa hingga dapat memperolehi pencapaian ke tahap yang amat membanggakan.

Adalah menjadi harapan Majlis agar setiap warga MBPJ menjadi lebih komited kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi mencapai objektif ini. MBPJ berusaha dengan giatnya untuk menjadi Bandaraya Petaling Jaya bekarbon rendah dan hijau, MAMPAN dan Lestari selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan

pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsive kepada kehendak komuniti hendaklah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa.

Pelan Strategik MBPJ 2012, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MBPJ kearah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan strategik MBPJ ini, peranan sebagai kakitangan MBPJ amat penting dalam memberikan perkhidmatan yang tepat, timely dan saksama kepada stakeholders. Melalui pendekatan ini, ianya memberi ruang untuk menghasilkan value added outcome dan impak yang positif kerana pendedahan kepada kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar kepada organisasi lain.

Proses perubahan yang positif serta budaya kerja yang lebih cemerlang perlulah ada bagi memenuhi aspirasi rakyat. MBPJ sedang giat melaksanakan program kehijauan dan bekarbon rendah serta memberi rebat kepada mereka yang mengamalkan sistem SPAH dan memberi insentif kepada pemilik kenderaan hybrid serta menggalakkan penggunaan lampu LED.

Usaha-usaha ini menunjukkan betapa MBPJ sebenarnya ingin menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Bekarbon rendah dan Mampan sesuai dengan moto Majlis Bandaraya Pengeraju, Dinamik dan Lestari.

Bagi memastikan kejayaan setiap yang dirancang mencapai matlamatnya objektif yang diingini, beberapa aspek perlulah diberi penekanan dan berlandaskan kepada prinsip 3S iaitu sikap, sistem dan semangat berpasukan.

Sesungguhnya kejayaan yang dikecapi tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang gpadu daripada semua kakitangna MBPJ. Di harapkan agar semua kakitangan mengubah sikap kepada yang positif, dan mempunyai perasaan bangga menjadi kakitangan MBPJ.

Di keluarkan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my